

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**  
**RUJUKAN : BL3 [PR-1332-T68893]**  
**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah jenis projek pembangunan kecil dalam setiap kawasan Parlimen dalam WPKL sepanjang 5 tahun ini.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, sebanyak 442 projek kecil telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tempoh mulai tahun 2010 sehingga Mei 2015.

Pelaksanaan projek kecil di semua 11 kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berdasarkan keperluan masyarakat setempat dan permohonan daripada pemimpin tempatan. Pelaksanaan projek berskala kecil ini melibatkan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf kemudahan asas atau awam seperti dewan orang ramai, pusat khidmat komuniti, surau, jalan, tadika, tempat letak kereta, tandas, padang permainan dan kemudahan lain yang berkaitan.